

18 APR 1996

Mahathir-Croatia

TEROKAI PASARAN ANTARABANGSA, KATA DR MAHATHIR KEPADA CROATIA

Oleh: Mokhtar Hussain

ZAGREB, 18 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan kepada usahawan Croatia supaya menggunakan Malaysia sebagai pangkalannya untuk menyalurkan barangan pengguna dan input perindustrian dari rantau Asia Timur.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri juga menggesa syarikat-syarikat Malaysia supaya menjalinkan usahasama dengan syarikat-syarikat Croatia bagi membolehkan mereka menggunakan pasaran Eropah Barat sebelum Croatia diterima menyertai Kesatuan Eropah tidak lama lagi.

Beliau berkata masyarakat peniaga Croatia harus meneroka keupayaan Malaysia memenuhi keperluan pasaran pengguna dan perindustrian Croatia dan negara-negara jirannya.

"Barangan Malaysia yang harganya berdaya saing boleh menggantikan banyak barangan yang pada masa ini perolehi Croatia dari negara lain," katanya semasa merasmikan Pameran Barangan Malaysia di Pesta Musim Bunga

Beliau berkata memandangkan Croatia dan Malaysia adalah negara yang mempunyai pasaran dalaman yang kecil, kedua-dua negara perlu berpandangan secara sejagat bagi mencapai pertumbuhan.

"Marilah kita terokai cara untuk menjalinkan kerjasama dalam pasaran antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri juga berkata sektor swasta Malaysia dan Croatia boleh mengiringi satu sama lain dalam bidang pelancongan, perumahan dan pembangunan infrastruktur.

Beliau menggesa sektor swasta Malaysia supaya menyambut saranan kerajaan Croatia untuk membina semula dan meningkatkan hotel-hotelnya yang mempunyai pemandangan yang indah di Lautan Adriatik.

Dr Mahathir berkata industri pelancongan negara itu, yang berpusat di pantai Mediterranean dengan nilai AS\$5,000 juta setiap tahun, sangat memerlukan penanaman modal baru.

Beliau berkata terdapat juga prospek untuk pembangunan perumahan di Croatia yang wajar dikaji sektor swasta memandangkan ia dapat menyumbang terus kepada hasil sampingan ekonomi.

Perdana Menteri berkata: "Pengalaman Malaysia dalam pembangunan perumahan boleh dikongsi bersama-sama dengan pengalaman Croatia. Pembangunan dan pembangunan semula perumahan boleh memberi banyak kesan terhadap kegiatan ekonomi lain, membantu merangsangkan pelaburan infrastruktur yang akhirnya akan menyumbang kepada peningkatan kegiatan ekonomi Croatia secara keseluruhannya."

Dr Mahathir juga menghargai pengalaman Croatia dalam bidang kejuruteraan dan pembinaan kapal yang kini di tempat keempat dalam senarai dunia.

"Kami difahamkan bahawa industri-industri ini sedang menghadapi masalah berpunca daripada kehilangan pasaran tradisional. Saya ingin menjemput industri ini untuk menerokai perniagaan di Malaysia menerusi usahasama dengan rakan-rakan di Malaysia," katanya.

Beliau berkata memandangkan rantau Asia Timur dijangka menjadi rantau yang paling cepat membangun di dunia menjelang tahun 2000, syarikat-syarikat Croatia dalam bidang itu boleh melengkapkan keupayaan teknikalnya dengan pengetahuan pasaran Malaysia bagi mengembangkan perkongsian perniagaan di rantau itu.

"Memandangkan Malaysia sangat berharap dapat menyertai pembinaan semula Croatia, kami ingin syarikat-syarikat Croatia menyertai banyak projek

penswastaan dan peluang perniagaan lain di Malaysia yang dijangka muncul berikutan pergerakan negara ke arah industri berteknologi tinggi," katanya.

Beliau berkata walaupun perdagangan dua hala antara Malaysia dan negara ini agak kecil, ia telah meningkat sebanyak 23 peratus daripada AS\$5.12 juta pada 1994 kepada AS\$6.31 juta.

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai tarif import yang rendah yang sepatutnya digunakan oleh ahli-ahli perniagaan Croatia dengan mengeksport lebih banyak ke Malaysia.

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan pameran itu secara simbolik dengan memukul gong. Yang turut hadir ialah rakan sejawatannya Zlatko Matesa.

Dr Mahathir juga melancarkan Proton Wira Siri 400 di sini, menjadikan Croatia pasaran eksportnya yang ke-31.

Kemudian, kedua-dua Perdana Menteri itu menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara sektor swasta Malaysia dan Croatia yang melibatkan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia dan badan yang sama dari Croatia, Pesaka Endau Sdn Bhd dan EIKA, MRCB dan NIVA Holding dan EXIM Bank dengan NIVA Petrol.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ketua-ketua syarikat Malaysia.

Kira-kira 28 syarikat Malaysia menyertai pameran lima hari itu yang diadakan bersempena Pesta Musim Bunga Zagreb. -- BERNAMA

MOK NAK NMO